



SIARAN AKHBAR

**MAJLIS BERTAHLIL BAGI
AL-MAHRUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN
IBNI AL-MARHUM SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM
DAN AL-MARHUMAH DULI RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT BINTI
AL-MARHUM PENGIRAN BENDAHARA PENGIRAN ANAK ABDUL RAHMAN.**

**KUBAH MAKAM DIRAJA, JALAN TUTONG
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
HARI RABU, 14 RAMADHAN 1439 BERSAMAAN DENGAN 30 MEI 2018**

-
1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hari ini telah mengadakan Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman bersempena dengan bulan Ramadhan 1438H/2018M di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.
 2. Hadir di majlis ini ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD; Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri Kewangan II; Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, Menteri Pendidikan; Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain, serta pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.
 3. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yassin dan seterusnya, tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Zakaria bin Haji Mohd Salleh, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tarikh : 14 Ramadhan 1439 / 30 Mei 2018

Rujukan : AMBD/COMMS/3